

▼27/05/21-58MST

CNS8478

R GB 27-05 00168 BC068

aab

Mahathir - Pasaran

MALAYSIA DAN IRELAND PERLU BEKERJASAMA

I

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- Malaysia dan Ireland perlu bekerjasama bagi memastikan pasaran perdagangan di dunia terbuka kepada negara-negara kecil, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, pentingnya kerjasama antara kedua-dua negara perlu dilihat dalam konteks potensi pasaran luas yang kedua-dua negara tawarkan.

"Oleh kerana negara-negara kecil amat bergantung kepada perdagangan, kita hendaklah bekerjasama bagi memastikan pasaran ini terus terbuka," kata beliau pada majlis jamuan meraikan rakan sejawatannya dari Ireland Albert Reynolds, di sini malam ini. Perdana Menteri Ireland itu tiba di sini hari ini untuk lawatan empat hari.

Mengenai perdagangan bersifat regionalisme yang menurutnya berkembang di tengah-tengah keadaan tidak pasti menyelebunggi perdagangan antarabangsa, Dr Mahathir berkata pada umumnya, tidak ada salahnya trend ini asalkan perdagangan regionalisme yang bersifat terbuka diamalkan.

Ini kerana perdagangan bersifat regionalisme boleh memberi sumbangan ke arah mewujudkan sistem perdagangan terbuka di dunia, kata beliau. -- Lagi

▼27/05/23-25MST

CNS8479

R GB 27-05 00150 BC069

aab

Mahathir - Pasaran 2 Kuala Lumpur

Beliau menarik perhatian bahawa kejayaan rundingan Pusingan Uruguay adalah pentingnya kerana ia dapat membantu proses ke arah mewujudkan pasaran terbuka.

Sehubungan dengan ini, Dr Mahathir berkata cadangan penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) ialah bagi membenarkan negara-negara Asia Timur memastikan perdagangan antarabangsa tidak dibelenggu.

Beliau berkata, objektif utama penubuhan EAEC ialah membenarkan negara-negara Asia Timur yang dinamik lebih bersuara dalam rundingan perdagangan pelbagai hala dan membuat keputusan yang sekarang tidak dimiliki sebagai negara individu.

"Jika diambil kira kejayaan negara-negara Asia Timur, pandangan negara-negara berkenaan mengenai perdagangan dunia dan pembangunan ekonomi perlu diberi perhatian sewajarnya dan dihormati.

"Oleh itu, melenyapkan suara negara-negara berkenaan tidak membantu sesiapa. Seperti juga Ireland mendapat manfaat dengan berada bersama negara-negara Eropah yang lain, kami berharap bahawa kami tidak dinafikan daripada menikmati faedah sebagai satu suara. -- Lagi

▼27/05/23-38MST

CNS8480

R GB 27-05 00151 BC070

aab

Mahathir - Pasaran 3 Kuala Lumpur

Mengenai hubungan antara Malaysia-Ireland, Dr Mahathir berkata kedua-dua kerajaan perlu memberi sokongan penuh kepada interaksi antara usahawan bagi menggalakkan perdagangan dan pelaburan di samping mengenal pasti potensi antara satu sama lain dengan lebih baik.

Beliau berkata peningkatan interaksi antara Malaysia dan Ireland terutama antara sektor swasta merupakan petanda baik bagi meningkatkan lagi hubungan antara kedua-dua negara.

Dr Mahathir berkata kedua-dua negara harus memberi tumpuan kepada kerjasama dalam sektor perkhidmatan yang Ireland telah mencapai kejayaan yang amat menggalakkan.

Ireland boleh memberi sumbangan ke arah pembangunan sektor ini di Malaysia dan bahawa kedua-dua negara juga boleh bekerjasama bagi merebut peluang-peluang dalam sektor ini di negara-negara ketiga, kata beliau.

"Malaysia boleh mempelajari daripada Ireland dan Ireland pula boleh menjadikan Malaysia sebagai pusat bagi perkhidmatan-perkhidmatan kepakaran untuk menembusi rantau ini yang dinamik," kata beliau. -- Lagi

▼27/05/23-47MST

CNS8481

R GB 27-05 00137 BC071

aab

Mahathir - Pasaran 4 (akhir) Kuala Lumpur

Berhubung dengan pembangunan di Kemboja, Dr Mahathir berkata Malaysia berharap untuk memainkan peranan yang konstruktif dalam usaha membangunkan semula negara itu.

Dalam hubungan ini, beliau meenggesa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu meneruskan usaha ke arah mewujudkan keamanan dan kestabilan di negara itu.

Ketika berucap, Reynolds pula berkata beliau percaya Ireland dan Malaysia boleh membantu antara satu sama lain dalam beberapa bidang untuk meningkatkan daya saing antara satu sama lain di ekonomi dunia.

Beliau berkata, Ireland telah mengenal pasti beberapa bidang antaranya penjaanan kuasa, pertanian, kesihatan, perkhidmatan kesihatan dan pendidikan yang memungkinkan kedua-dua negara berkongsi pengetahuan dan kepakaran.

Dalam pada itu, peluang bagi kedua-dua negara meningkatkan kerjasama dalam bidang pendidikan juga terbuka luas, kata beliau. -- Bernama

JO FAZ

▼27/05/23-55MST